

Kawasan suntikan vaksin rabies diperluas

Oleh **ROKIAH ABDULLAH**

rokiah.abdullah@utusan.com.my

■ PASIR SALAK 12 JULAI

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Veterinar bersedia memperluaskan radius suntikan vaksin penyakit anjing gila atau rabies di daerah Serian, Sarawak.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, langkah tersebut diambil berikutan satu kes rabies baharu dijangkiti di Kampung Ampungan melibatkan kanak-kanak berusia lima tahun kelmarin.

Menurut beliau, kanak-kanak tersebut mempunyai sejarah gigitan anjing pada 27 Mei lalu di Kampung Saroban, yang terletak kira-kira 10 kilometer dari kampung ketiga kes berlaku rabies.

“Selain radius suntikan, jika

ada keperluan kita juga akan menambah jumlah vaksin sedia ada sebanyak 6,000 yang dihantar sebelum ini.

“Jabatan Veterinar perlu buat pemantauan tanpa perlu tunggu arahan kementerian. Ini sangat penting bagi mengelakkan virus ini terus merebak,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Manik/Labu Kubong Kali Ke-38 di Pekan Rabu, Chenderong Balai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Sungai Manik/Labu Kubong, Suib Sulaimen.

Setakat kelmarin empat kes telah dicatat di daerah berkenaan.



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN

Pada 4 Julai lalu, dua beradik yang disahkan dijangkiti virus rabies, Jackson Mazlan, 4, dan kakaknya, Monica, 6, dari Kampung Paon, Sungai Rimu, Serian, meninggal dunia di Hospital Umum Sarawak (HUS).

Seorang lagi kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun dari Kampung Lebur, Gedong, Serian masih kritikal.

Sementara itu, berucap dalam majlis tersebut, Tajuddin mengingatkan peranan PPK yang lebih besar daripada hanya memikirkan keuntungan perniagaan.

Menurutnya, keuntungan dicapai tidak mampu mengangkat martabat dan kedudukan ekonomi ahli PPK terlibat kerana jumlahnya begitu ramai.